

02 APR 1997

Mahathir-Kelantan

RAKYAT KELANTAN SERAH CENDERAMATA KEPADA DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 2 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menerima cenderamata khas daripada rakyat Kelantan semasa lawatan kerja seharinya ke Kelantan pada Jumaat ini.

Timbalan Ketua Penerangan Umno Kelantan Datuk Rozali Isohak berkata beberapa cenderamata akan disampaikan oleh pemimpin masyarakat bagi pihak rakyat Kelantan sejurus selepas Dr Mahathir tiba di Lapangan terbang Sultan Ismail Petra kira-kira pukul 9 pagi Jumaat ini.

"Sumbangan itu disampaikan sebagai tanda penghargaan terhadap Dr Mahathir yang diktiraf sebagai pemimpin bertaraf dunia apabila diberikan Anugerah Raja Faisal dan Anugerah Jawaharlal Nehru (baru-baru ini)," katanya di sini hari ini.

Menurutnya ketibaan Dr Mahathir yang diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di lapangan terbang itu akan disambut meriah oleh kira-kira 4,000 orang daripada pelbagai kalangan masyarakat.

Katanya satu majlis doa selamat akan diadakan di lapangan terbang sebagai tanda kesyukuran atas anugerah yang diterima oleh Perdana Menteri itu.

Rozali berkata acara sambutan akan bermula esok dengan Forum Perdana bertema "Satu Perspektif Ke Arah Pembangunan Islam Sejagat" di Dewan Perkumpulan Perempuan Kelantan (PPK), di sini pada 9 malam.

Katanya antara anggota panel ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Melor Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, Ketua Pengarah Pusat Islam Datuk Hamid Zainal Abidin dan wakil kerajaan negeri Kelantan.

Rozali bagaimanapun kesal kerana Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat enggan menghadiri forum itu.

"Kerajaan negeri diharap akan tetap menghantar wakil bagi memeriahkan lagi majlis itu kerana walaupun Barisan Nasional yang menaja forum itu, ia dianjurkan oleh rakyat Kelantan," katanya. -- BERNAMA

RAR NMO